

Lakuan Ilokusi Ucapan Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan 2018

Harshita Aini Haroon ^a

harshita@unimap.edu.my

Universiti Malaysia Perlis

Noor Asliza Abdul Rahim ^b

asliza@unimap.edu.my

Universiti Malaysia Perlis

Norihha Basir

norihha@unimap.edu.my

Universiti Malaysia Perlis

Zaliza Zubir

zaliza@unimap.edu.my

Universiti Malaysia Perlis

ABSTRAK

Kajian berkaitan ucapan politik bukan sesuatu yang baharu dan telah dikaji daripada pelbagai aspek termasuk aspek penggunaan bahasa. Ucapan politik merupakan wahana yang menggabungkan penyampaian idea dan ideologi melalui penggunaan bahasa supaya dapat difahami oleh pendengar. Kejayaan menyampaikan sesuatu ucapan politik bergantung kepada hujah yang meyakinkan pendengar. Sehubungan itu, kajian ini mengemukakan analisis tentang penggunaan lakuan tutur (LT) sebagai satu strategi penghujahan yang berkesan. Objektif kajian ini ialah membandingkan penggunaan LT dalam dua situasi yang berbeza, seterusnya mentafsir dan memberi penjelasan akan dapatan yang diperolehi hasil daripada perbandingan tersebut. Data utama kajian merupakan dua teks ucaptama Zahid Hamidi, iaitu teks Perasmian Perhimpunan Agung UMNO 2017 (PAU2017) yang berlaku sebelum pilihan raya umum ke - 14 (PRU14) dan ucaptama dalam Perhimpunan Agung Umno 2018 yang diadakan selepas kekalahan parti dalam PRU14. Kaedah kualitatif digunakan untuk menganalisis penggunaan aspek lakuan tutur pengucap dengan bersandarkan kerangka teori Bach dan Harnish (1979). Secara keseluruhan dapatkan menunjukkan kempat-empat LT, iaitu LT Pengumuman (*Constatives*), Arahan (*Directives*), Perjanjian (*Commissives*) dan Perakuan (*Acknowledgements*) diaplikasikan oleh pengucap. LT Pengumuman dan LT Arahan telah digunakan secara khusus untuk mempengaruhi dan meyakinkan pendengar akan hujah yang dikemukakan dalam PAU 2017 berbanding dalam PAU 2018. Kajian juga menunjukkan selepas PRU14, pengucap lebih banyak mengaplikasikan LT Perjanjian dan LT Perakuan. LT Perjanjian dalam teks 2018 adalah sebanyak 10.3% berbanding 4.5% pada 2017 dan LT Perakuan dalam teks 2018 adalah sebanyak 9.3% berbanding 5.4% pada 2017. Perubahan ini disebabkan oleh keperluan bagi Zahid untuk menyesuaikan tutur katanya dengan senario sosio-politik pada tahun 2018. Hal ini membuktikan bahawa senario sosio-politik jelas mempunyai kesan terhadap jenis LT yang digunakan dalam ucapan ahli politik. Kajian ini juga memberi mesej kepada ahli politik supaya memastikan ucapan yang disampaikan mengandungi LT yang sesuai dengan keadaan semasa yang dapat difahami dengan mudah oleh penyokong mereka.

^a Pengarang utama

^b Pengarang koresponden

Kata kunci: perhimpunan agong UMNO; lakuan ilokusi; presiden; pilihan raya umum; ucapan politik

Illocutionary Acts in Zahid Hamidi's PAU 2017 and 2018 Speeches

ABSTRACT

Studies on political speeches are not new and cover various aspects including that of language use. Political speeches are a medium through which ideas and ideologies are communicated through language use for the sake of the listener's understanding. The success of delivering a political speech depends on the use of persuasive arguments. This study presents an analysis of the use of speech acts as an effective argumentative strategy. Its two objectives are to compare the use of speech acts in two different situations, and to explain the results obtained from the comparison. The data of the study comprise two keynote addresses by Zahid Hamidi. The first is the keynote at the 2017 UMNO General Assembly before the 14th General Election (PRU14) in 2017, and the second is his keynote address at the 2018 UMNO General Assembly, after the party's defeat in PRU14. The analysis used qualitative method, adopting Bach and Harnish's (1979) theoretical framework. Overall findings show Zahid Hamidi used constatives, directives, commissives and acknowledgements in his speeches. Constatives and directives were specifically utilised to influence and convince the audience of his arguments more in his 2017 speech than in the 2018 one. After PRU14, Zahid used more of commissives and acknowledgments. Commissives stand at 10.3% in the 2018 speech, compared to 4.5% in 2017 and acknowledgements is at 9.3% in 2018 compared to 5.4% in 2017. The change in use of the speech acts across the two years suggests that Zahid has had to adjust his use of words and language to fit in with the 2018 socio-political scenario. The results show that socio-political scenario clearly has an impact on the type of speech acts used in politicians' speeches. The findings also send a message to politicians that their speeches should contain speech acts appropriate to the current scenario, which can be understood clearly by their supporters.

Keywords: UMNO general assembly; illocutionary acts; president; general election; political speech

PENGENALAN

Ucapan politik merupakan wahana yang mengabungkan idea dan ideologi yang disampaikan melalui penggunaan bahasa supaya dapat difahami oleh pendengar. Kajian berkaitan ucapan politik bukan sesuatu yang baharu dan telah dikaji oleh ramai penyelidik dalam pelbagai aspek termasuk aspek penggunaan bahasa dengan tujuan untuk mencapai hasrat dan tujuan tertentu (Alattar, 2014; Altikriti, 2016; Dylgjeri, 2017). Dalam konteks penyampaian ucapan secara formal, penggunaan bahasa yang baik perlu agar objektif penyampaiannya dapat mempengaruhi pendengar. Dalam hubungan ini, Rohaidah Mashudi (2017) menjelaskan pemilihan bahasa bergantung kepada latar suatu peristiwa bahasa tersebut digunakan dan dikaitkan dengan kelainan standard, iaitu apabila dalam suatu peristiwa bahasa interaktif telah ditetapkan bahasa pengantarnya. Malah, dalam hal ini, ciri-ciri bahasa dimanipulasi untuk tujuan tertentu seperti memberi makna (sama ada secara terus atau melalui implikasi) kepada perkara yang dipertuturkan dan semua itu bergantung kepada keadaan semasa, situasi dan hasrat pengucap ketika berucapan (Sameer, 2017). Salah satu kaedah penelitian manipulasi bahasa dalam ucapan ialah melalui perincian lakuan tutur (LT) penutur bahasa. Menurut Dylgjeri (2017), lakuan tutur yang digunakan oleh ahli politik memainkan peranan yang amat penting dalam pengucapannya memandangkan ucapan seorang ahli politik itu pada umumnya

berkait dengan usaha untuk mempengaruhi pendengar. Hal ini penting kerana kejayaan sesuatu ucapan politik bukan sahaja bergantung kepada kebenaran dan kesahihan perkara yang diucapkan, tetapi juga kepada hujah-hujah yang meyakinkan (Beard, 2000), dan keyakinan tersebut ditanam melalui penggunaan lakuhan tutur yang bersesuaian.

Atas dasar tersebut, makalah ini menganalisis dan membuat perbandingan ucapan politik Zahid Hamidi dalam dua kedudukan dan konteks yang berbeza, iaitu semasa menjawat jawatan Timbalan Presiden UMNO (PAU 2017) dan Presiden UMNO (PAU 2018). Sewaktu ucapan beliau dalam Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2017 di hadapan 2978 perwakilan, Zahid memegang jawatan sebagai Timbalan Presiden parti tersebut. Malah, sebagai seorang Timbalan Presiden, beliau diperlukan untuk memberi ucapan perasmian sebagai pembukaan kepada perhimpunan tersebut. PAU 2017 juga telah memberi tumpuan untuk pengukuhan jentera parti dan berfungsi sebagai platform untuk merencanakan persiapan bagi menghadapi PRU14 yang berlangsung pada Mei 2018. Berdasarkan kepada intipati ucapan dalam PAU 2017 adalah dijangka bahawa beliau akan menggunakan lakuhan tutur (LT) yang akan mencetuskan semangat yang membara dalam kalangan perwakilan, terutama dalam konteks hasrat untuk memastikan Barisan Nasional (BN) mencapai matlamat besarnya, iaitu meraih majoriti dua pertiga dan kekal sebagai parti pemerintah. Pada masa yang sama, adalah dijangkakan bahawa akan terdapat LT yang menggambarkan keyakinan memandangkan semenjak penubuhannya lagi BN adalah parti kerajaan.

Namun begitu, sewaktu ucapan dibuat dalam PAU 2018, Zahid Hamidi memegang jawatan sebagai Presiden parti UMNO, sekali gus bertindak sebagai parti pembangkang kepada kerajaan susulan kekalahan BN dalam PRU14. PAU2018 diadakan lebih kurang empat bulan selepas kekalahan tersebut, iaitu pada September 2018 dan menjadi perhimpunan pertama parti tersebut sebagai pembangkang. Dalam PAU 2018, Presiden parti diperlukan untuk memberi ucapan dasar yang boleh memberi motivasi dan menyampaikan visi parti kepada perwakilan, seterusnya menyusun misi untuk parti menangani masa hadapan serta membentangkan cadangan dan harapan untuk dikupas dan diperdebatkan oleh perwakilan yang hadir. Dalam konteks ini, cabaran utama kepada Zahid adalah untuk memberi keyakinan semula kepada ahli parti tentang kedudukan parti (selepas kekalahan), mengubah minda dan pemikiran perwakilan yang jauh berbeza sebelum ini. Tambahan pula Zahid juga berhadapan dengan ekspektasi bekas presiden UMNO yang telah membuat kenyataan sebelum ucapan Zahid, iaitu beliau "Jangkakan satu tekad yang baru untuk bergerak ke depan bagi mengembalikan kegemilangan Umno" (Malaysiakini 29 Sep 2018). Ekspektasi ini sedikit sebanyak sudah tentu akan mendatangkan kesan pada kandungan dan penyampaian ucapan Zahid. Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada dua objektif, iaitu membandingkan penggunaan lakuhan tutur dalam dua situasi yang berbeza tersebut, seterusnya mentafsir dan memberi penjelasan akan dapatan yang diperolehi hasil daripada perbandingan tersebut berdasarkan perbezaan konteks yang dinyatakan.

SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian dalam makalah ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu kajian-kajian lepas berkaitan analisis wacana politik, bahasa dan kepimpinan serta lakuhan pertuturan. Wang (2010) telah menganalisis teks ucapan Presiden Barack Obama dari sudut transitiviti dan modaliti untuk meninjau ideologi dan kuasa yang terselindung teks ucapan tersebut. Wang menggunakan pendekatan Fungsian Sistemik Halliday untuk menganalisis perkataan yang mudah dan ayat pendek yang terdapat dalam teks ucapan Presiden Barack Obama. Analisis transitiviti bertujuan melihat proses material dan proses pembuatan banyak digunakan dalam ucapannya. Wang (2010) menjelaskan dari proses ini, Obama menunjukkan kepada khalayak apa yang dicapai oleh kerajaan, apa yang mereka lakukan dan apa yang akan mereka lakukan.

Selain itu, ucapan Barack Obama cuba membangkitkan keyakinan rakyat Amerika terhadap presiden dan kerajaannya dalam tempoh empat tahun. Melalui analisis modaliti, didapati bahawa Obama membuat penonton lebih mudah memahami dan menerima pidato politiknya dengan penggunaan kata bantu ragam, kata bantu aspek dan kata ganti nama. Beliau menggunakan kata bantu untuk membentangkan situasi domestik dan dunia dari aspek politik, ekonomi dan budaya pada masa kini. Dengan cara tersebut objektif kerajaan ditunjukkan dan pada masa yang sama keyakinan para penonton dibina. Selain itu, menggunakan kata ganti diri dalam menyemai kepercayaan agama berjaya mengurangkan jarak antara beliau dan penonton. Oleh demikian, hal ini dapat membantu beliau meyakinkan orang ramai untuk menerima dan menyokong dasarnya.

Kajian analisis wacana kritis politik juga telah dijalankan oleh Sarfo dan Krampa (2013). Pengkaji menegaskan bahawa wacana politik secara umumnya diciri atau disokong oleh ungkapan linguistik yang dipilih dengan teliti oleh penceramah. Hal ini bertujuan untuk memberi kesan kepada pendengar. Pengkaji menganalisis enam pidato daripada Bush dan Obama sebagai data dan menggunakan pendekatan analisis kandungan kualitatif mengikut konsep Diskursi Kritis Van Dijk (1998). Kajian itu mendedahkan bahawa Bush dan Obama menjelaskan keganasan secara negatif ketika mereka menjelaskan anti-keganasan secara positif dengan berhati-hati dalam memilih perbendaharaan kata seperti *di bawah panji kesatuan politik domestik dan antarabangsa, mengelak sekali lagi kanser ini menular dalam negara serta memburu musuh domestik dan antarabangsa* (2013: 382). Manakala ekspresi muka dan gerak badan pula ditekankan secara emosional. Pengkaji mendapat bahawa kedua-dua pemimpin ini menggunakan bahasa dengan hati-hati dan sengaja memilih bentuk, kata-kata dan ungkapan khusus untuk memberi kesan khusus kepada pendengar mereka. Oleh itu, pengkaji menyarankan kajian selanjutnya perlu dilakukan untuk mengetahui tentang konsep keganasan, terutamanya dari sudut pandang bahasa.

Sementara Fawwaz Al-Abed Al-Haq dan Nazek Mahmoud Al-Sleibi (2015), mengkaji strategi linguistik utama yang digunakan Raja Abdullah II dalam ucapannya. Pengkaji telah memilih tiga ucapan Raja Abdullah II sebagai data kajian. Analisis kajian membahagikan pada dua peringkat. Pada peringkat pertama, ketiga-tiga ucapan dianalisis menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis (CDA), yang merupakan deskripsi teks, amalan wacana dan amalan sosial. Pada peringkat kedua, untuk menentukan bagaimana Raja Abdullah II membahas isu utama dalam ucapannya, empat strategi persuasif wacana politik telah digunakan. Strategi ini adalah kreativiti, rujukan, penyelaras, dan intertekstualiti. Hasil dapatan kajian mendapati Raja Abdullah menggunakan strategi ini dengan cekap untuk menyampaikan mesej. Raja Abdullah menggunakan ekspresi kreatif untuk menunjukkan realiti imej buruk keadaan semasa dan potensi masa depan yang baik. Di samping itu, beliau menggunakan intertekstualiti untuk meyakinkan penonton Amerika tentang idea-ideanya dengan menggunakan ekstrak daripada salah seorang Presiden Amerika. Beliau cuba menyerlah dan membesarakan isu-isu tertentu. Isu-isu ini termasuk proses perdamaian Palestin-Israel, peranan Amerika dalam proses perdamaian ini, dan seruan untuk masyarakat antarabangsa untuk bekerjasama menentang bahaya. Sebagai rujukan, beliau memberi tumpuan kepada penggunaan kata ganti nama pembicara pertama (kami, kami, dan saya) untuk menonjolkan isu utama yang disebutkan di atas. Pengkaji menyimpulkan bahawa Raja Abdullah menggunakan ucapannya sebagai satu cara untuk mencerminkan status dan penglihatannya ke arah isu politik wilayah.

Strategi wacana komunikasi dalam teks ucapan Tengku Razaleigh Hamzah merupakan salah satu kajian wacana analisis kritis politik. Kajian Rahim Aman dan Norfazila Ab. Hamid (2015) menyatakan bahawa Tengku Razaleigh Hamzah telah menggembung wacana untuk menarik perhatian masyarakat terutamanya ahli parti. Rahim Aman dan Norfazila Ab. Hamid juga turut menjelaskan satu proses kepimpinan yang mampat dalam wacana iaitu praktis kepimpinan. Kepetahan Tengku Razaleigh Hamzah dalam berhujah telah memberi keyakinan

kepada rakyat dan ketokohnanya sebagai pemimpin parti. Pengkaji juga menjelaskan bahawa ucapan yang diucapkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah dalam satu majlis merupakan wacana kepimpinan. Hal ini kerana ucapan yang diujarkan oleh beliau lebih bertujuan untuk memantapkan dirinya sebagai pemimpin parti. Pengkaji menjelaskan bahawa seseorang pemimpin seperti Tengku Razaleigh Hamzah perlu pandai berhujah dan bijak menyusun tutur kata supaya pucuk pimpinan tidak dikatakan lemah. Hasil kajian yang diperoleh membuktikan bahawa ucapan atau hujah yang disampaikan oleh seseorang pemimpin dalam sesbuah majlis lebih menekankan dan menonjolkan keperibadian pewacana sebagai seorang pemimpin.

Seterusnya, tinjauan literatur mengenai bahasa dalam kepimpinan. Idris Aman (2004) menjelaskan bahawa kepimpinan adalah salah satu proses kehidupan sosial yang penting dan sentiasa mendapat keutamaan manusia. Selaras dengan percaturan dunia hari ini pula, keberkesanan kepimpinan negara begitu ditekankan. Dalam proses kepimpinan, peranan bahasa sebagai wahana komunikasi dan interaksi memang tidak boleh dinafikan. Justeru, tujuan utama tulisan beliau ialah memperlihatkan hubungan dialektikal antara bahasa (dengan pengertian wacana) dengan satu aspek proses sosial, iaitu kepimpinan. Dalam kata lain, proses kepimpinan terselindung dalam wacana. Secara khusus, tulisan ini membincangkan bagaimana pemimpin negara menggembung bahasa bagi keberkesanan proses kepimpinannya, serta pada masa yang sama menjelaskan bagaimana bahasa berperanan dalam proses tersebut. Bagi mencapai matlamat tersebut, tulisan ini menganalisis wacana perutusan tahun baru Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad. Tulisan ini menerapkan kerangka Teori Analisis Wacana Kritis. Daripda analisis terhadap wacana berkenaan dirumuskan asas praktis kepimpinan Mahathir Mohamad ialah ‘pengkhayakan wacana’. Praktis ini terlihat melalui perawakan linguistik, iaitu dari dimensi amalan wacananya dan dimensi tekstualnya. Dari dimensi amalan wacana, pengkhayakan wacana dibayangkan oleh cara wacana diproses serta ciri interdiskursiviti dan intertekstualiti wacana yang dimanfaatkan. Dari dimensi tekstual, ia dibayangkan oleh penggunaan kata alternatif.

Radiman dan Zaitul (2013) telah menjelaskan dalam kajian mereka yang bertajuk ‘Wacana Kepimpinan dalam Ucapan Abdullah Ahmad Badawi’ yang memperlihatkan praktis kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi melalui teks ucapan dasar di Perhimpunan Agung UMNO bersandarkan Kerangka Teori Analisis Wacana Kritis Fairclough. Kerangka teori ini menjurus kepada persoalan sosial yang mampat dalam wacana ucapan untuk menjelaskan hubungan kuasa dan memperlihatkan perkaitan praktikal dalam konteks ekonomi, sosial, budaya dan politik. Kajian ini juga memerihalkan makna kata yang dapat menterjemahkan pendirian dan praktis kepemimpinan pewacana. Abdullah Ahmad Badawi didapati berfikir dalam bahasa atau budaya Melayu untuk membawa perubahan dalam kepimpinannya. Dapatkan telah memperlihatkan sifat toleransi dan ketelusan terpancar dalam wacana ucapannya yang menonjolkan tindakan dan usahanya. Dalam hal ini, penggunaan kerangka teori analisis wacana kritis dalam menganalisis wacana kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi telah dapat memperlihatkan kemampuan bahasa dalam menyingkap kepimpinan seseorang pemimpin.

Begitu juga dengan Idris Aman (2010) dalam kajianya yang bertajuk “Mengurus Wacana dan Kepimpinan: Analisis Ucapan Sulung Perdana Menteri Malaysia, beliau meneliti bagaimana Najib bangkit dan bertindak bagi keperluan politiknya melalui wacana sulungnya selepas dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia pada 3 April 2009. Analisis menjurus kepada cara serta sebab bahasa diuruskan dalam wacana sulungnya dan dalam masa yang sama menjelaskan cara bahasa berfungsi dalam proses memimpin, atau dalam istilah Najib, “menakhoda” negara serta memperkuuh kedudukan. Sebagai satu analisis wacana, struktur generik, daya ujaran, penyebaran dan penggunaan; dan pengenalpastian fitur teks wacana, seperti penglekisikalan, nahu, dan jenis tema. Disimpulkan bahawa selaku pemimpin yang baharu dilantik, pewacanaan kepimpinannya itu adalah sengaja, kena masa, tulen, dan siap sedia dalam menakhoda negara dan atas sebab itulah ucapan sulungnya dihasilkan dan

diuruskan dengan baik. Sehubungan itu, objektif utama makalah ini dilakukan adalah untuk membandingkan penggunaan lakuhan tutur dalam dua situasi yang berbeza tersebut seterusnya mentafsir dan memberi penjelasan akan dapatkan yang diperolehi hasil daripada perbandingan tersebut berdasarkan perbezaan konteks yang dinyatakan.

Kajian tentang lakuhan pertuturan pula dilakukan oleh Amir Juhari dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015) dengan membincangkan kekerapan penggunaan lakuhan pertuturan dalam peristiwa bahasa mesyuarat. Dalam konteks ini, mesyuarat merupakan medium komunikasi untuk penutur mencadang, bersetuju, mengesahkan, menolak, menasihat, membuat keputusan, menyatakan pendirian, mengemukakan pandangan dan menyelesaikan masalah yang dihadapai oleh sesebuah organisasi. Analisis dilakukan terhadap lima mesyuarat pengurusan Institut Pendidikan Guru (IPG) bagi melihat kekerapan penggunaan lakuhan pertuturan yang berlandaskan teori lakuhan pertuturan Bach dan Harnish (1979). Hasil kajian menunjukkan wujud pelbagai jenis lakuhan pertuturan dalam mesyuarat yang dikaji di bawah empat jenis lakuhan pertuturan utama yang digariskan Bach dan Harnish, iaitu pengumuman, arahan, pernyataan dan perjanjian. Menurut Amir Juhari dan Zaitul Azma Zainol Hamzah (2015), penggunaan lakuhan pertuturan yang jelas dan tepat kepada maksud boleh menjimatkan masa mesyuarat dan dalam masa yang sama dapat memenuhi matlamat penutur.

Sementara Muhammad Zuhair Zainal (2017), melihat penggunaan lakuhan pertuturan ilokusi yang dikemukakan oleh Leech (1983) dalam Prinsip Kesopanan menerusi ujaran yang dituturkan oleh guru ketika proses pengajaran. Menurutnya, lakuhan ilokusi merupakan perlakuan niat pengucapan seseorang. Dapatkan kajian menunjukkan guru menggunakan tiga jenis lakuhan ilokusi, iaitu penegasan, arahan, komisif dan ekspresif dalam pengajaran mereka. Hasil daripada lakuhan ilokusi tersebut, guru menggunakan pelbagai lakuhan gramatis seperti mendakwa, menyatakan, meminta, menasihati, merayu, mendesak, memerintahkan, mengesyorkan, memberi motivasi, menyuruh, memohon, berjanji, mempelawa dan memujuk yang dibina dengan matlamat dan fungsi yang tertentu. Kesan daripada penggunaan lakuhan gramatis ini, jelas menunjukkan bahawa, guru menggunakan dengan tiga fungsi yang utama, iaitu untuk bersaing, beramah-tamah dengan tujuan untuk memahami pelajar berdasarkan kepada perbezaan aras kognitif pelajar. Keupayaan guru membentuk lakuhan ilokusi dan lakuhan gramatis yang sesuai dan rasional secara tidak langsung dapat menarik minat pelajar terhadap pengajaran bahasa Melayu. Malahan tutur bicara mereka ketika proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih bermakna dan berwibawa.

Secara keseluruhannya, kajian lepas menunjukkan pengkaji terdahulu telah memanfaatkan wacana politik dan kepimpinan dalam kajian mereka. Sehubungan dengan itu, kajian lakuhan tutur dalam ucapan politik ini dapat memberikan pendedahan kepada pengguna bahasa tentang LT yang boleh digunakan dengan tepat dan berkesan dalam sesebuah wacana politik. Hal ini juga dapat menjadikan sesuatu ucapan itu berkesan dan dapat mempengaruhi minda penyokong kerana penggunaan bahasa yang berkesan secara tidak langsung dapat menyampaikan maksud dengan jelas dan menimbulkan tindak balas atau pemikiran bagi pihak yang mendengar. Oleh yang yang demikian, kertas kerja ini akan menganalisis penggunaan LT dari aspek penggunaan bahasa dalam ucapan politik agar dapat memperlihatkan bahawa LT perlu difahami oleh penutur dan audien agar matlamat sesebuah ucapan dapat difahami dan seterusnya dapat mengubah persepsi audien.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks dua ucapan utama Zahid Hamidi sebelum dan selepas kekalahan parti beliau dalam Pilihan Raya Umum ke-14 Malaysia (PRU14). Kaedah analisis teks merujuk pembacaan secara teliti terhadap teks diikuti pemilihan LT yang wujud untuk dijadikan fokus kajian. Pembacaan secara teliti merupakan satu proses


untuk mengenal pasti jumlah LT yang digunakan oleh perucap. Hasil daripada penelitian terhadap dua teks ucaptama Zahid Hamidi dalam dua situasi ucapan yang berbeza ini memadai untuk menggambarkan pola penggunaan LT dalam PAU 2017 dan 2018. Data yang digunakan dianalisis secara pragmatik, iaitu membincangkan makna bagi setiap ujaran atau konstituen kes lakuan tutur terutamanya yang tersirat berdasarkan konteks dalam menentukan makna sebenar ujaran. Teks kajian dianalisis bersandarkan kerangka Teori Bach dan Harnish (1979), iaitu melihat penggunaan lakuan tutur yang telah dikenal pasti dalam ayat yang dianalisis. Kerangka Bach dan Harnish (1979) dipilih kerana setiap satu kategori LT dinyatakan dengan terperinci yang membolehkan pengkategorian dibuat dengan lebih tepat dan tidak berdasarkan andaian ataupun *approximates*. Penekanan teori ini adalah pada peranan tujuan, keinginan atau maksud perucap dalam menghasilkan ujaran performatif. Ujaran performatif bermakna perucap bukan sekadar mengujarkan sesuatu, namun pada masa yang sama melakukan perbuatan yang dimaksudkannya, contohnya memberikan arahan, meminta maaf, berjanji, memberitahu dan lain-lain lagi. Data yang dikumpul dikategorikan mengikut empat kategori, iaitu LT Pengumuman (*Constitutives*), Arahan (*Directives*), Perjanjian (*Commissives*) dan Perakuan (*Acknowledgements*). Setiap kategori ini pula mempunyai sub-kategori tersendiri. Keempat-empat kategori tersebut dianalisis secara kualitatif dan disokong dengan analisis kuantitatif untuk mendapatkan taburan kekerapan dan peratusan penggunaan LT oleh penutur dalam kedua-dua ucapan yang dikaji. Data statistik penggunaan LT oleh penutur dinyatakan dalam bentuk peratusan (%). Data dianalisis secara deskriptif untuk memberi gambaran tentang tahap penggunaan sub-kategori seterusnya membolehkan perbandingan dibuat antara kedua-dua ucapan berdasarkan empat kategori LT.

Bagi mengukuhkan aspek kebolehpercayaan dan kesahihan kajian kualitatif, pendekatan Lincoln dan Guba (1985) diaplikasikan untuk tujuan mengukuhkan aspek kebolehpercayaan dan kesahihah dalam proses pengumpulan dan penganalisan data. Lincoln dan Guba (1985) menggunakan istilah kredibiliti, kebolehpindahan, kebolehharapan dan kepastian dengan tujuan mengukuhkan kesahan dan kebolehpercayaan analisis kualitatif. Kredibiliti dalam kajian kualitatif dibina melalui penganalisan dua teks bertulis ucapan Zahid Hamidi sebagai instrumen kajian. Teks ucapan tersebut, merupakan ucapan perasmian beliau semasa menjawat jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO dalam Persidangan Agong UMNO 2017, iaitu sebelum PRU14 dan ucapan beliau sebagai Presiden UMNO dalam Persidangan Agong UMNO 2018, iaitu selepas PRU14. Dua teks ucapan beliau dalam dua situasi yang berbeza diperoleh daripada laman sesawang <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2017/12/359205/ucapan-perasmian-naib-presiden-umno> dan <https://umno-online.my/2018/09/29/pru-2018-umno-bangkit-ucapan-dasar-presiden-umno/>. Teks ucapan tersebut kemudiannya dicerakinkan bertujuan untuk memilih data-data yang mempunyai LT dalam ujaran perucap mengikut empat kategori utama, iaitu LT Pengumuman, Arahan, Perjanjian dan Perakuan. Teks yang telah dicerakinkan secara verbatim disemak kembali oleh seorang tenaga pengajar bahasa Melayu di Universiti Malaysia Perlis sebagai prosedur kesahan. Hal ini adalah untuk memastikan kesahihan, kebolehpindahan dan kebolehharapan kepastian teks yang dicerakinkan benar dan tepat mengikut empat kategori LT yang disarankan melalui teks yang dianalisis. Dalam konteks ini, prosedur analisis dijelaskan untuk memelihara tahap kebenaran analisis kajian. Selain itu refleksi pengkaji juga dibuat jika terdapat sesuatu pandangan atau persepsi tentang analisis ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jumlah keseluruhan LT dalam ucapan tahun 2017 ialah sebanyak 202, sementara LT dalam ucapan tahun 2018 ialah sebanyak 214. Bagi kedua-dua ucapan tersebut LT Pengumuman adalah yang terbanyak dengan masing-masing 65.8% (2017) dan 57.9% (2018), diikuti dengan

LT Arahan, iaitu 24.3% (2017) dan 22.4% (2018). Bagi kedua-dua lakuan ini, pada 2017 melihat penggunaan LT tersebut yang lebih daripada 2018. Bagaimanapun, corak sebegini tidak dilihat pada LT Perjanjian dan Perakuan apabila dibandingkan kedua-dua tahun ucapan. Dua LT tersebut pada tahun 2018 lebih tinggi peratusannya berbanding 2017. Keseluruhan perbandingan tersebut adalah seperti yang digambarkan dalam Carta 1:



CARTA 1. Perbandingan peratusan LT antara ucapan 2017 dan 2018

Dalam erti kata lain, data membayangkan bahawa tidak kira dalam apa konteks sekali pun, ucapan Zahid Hamidi didominasi oleh LT Pengumuman. LT Pengumuman ini ditemui lebih daripada setengah LT yang dikesan dalam dua ucapan yang dikaji. Hal ini tidak menghairankan kerana ucapan politik kebiasaannya berfungsi untuk mempengaruhi pendengar dan LT Pengumuman memenuhi fungsi tersebut (Altikriti, 2006).

Contoh LT Pengumuman:

Saya tidak mahu lagi berbicara tentang 7 cabaran politik yang diutarakan dalam persidangan tahun lalu... Malam ini, saya akan bentangkan 7 manifesto bangsa yang akan menjadi satu gagasan besar. Ia juga bekalan pemikiran dan asas tindakan kita dalam menghadapi PRU ke-14. (2017, C9.1-7)

Sejak PRU pertama hingga ke-14, inilah kali pertama kita bukan lagi menjadi sebuah kerajaan di peringkat Persekutuan dan hanya menguasai dua buah negeri sahaja iaitu Perlis dan Pahang. Bagaimanapun, kita juga hampir menubuhkan kerajaan di Negeri Sembilan, Melaka, Perak dan Sabah. Tahniah kepada Perlis dan Pahang! (2018, C11.1-8)

Selepas LT Pengumuman, LT Arahan didapati yang kedua terbanyak dalam kedua-dua ucapan. Contoh LT ini adalah seperti di bawah:

Contoh LT Arahan:

Antara perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah percambahan minda kreatif dan lateral anak-anak. Dengan tidak menjadikan mereka ini sebagai tikus ujikaji. Kita harus meraikan kecenderungan kepelbagaiannya ini dan bakat semulajadi yang ada pada mereka. (2017, D74.2-7)

Maka, UMNO hendaklah memastikan tindakan yang melanggar Rule of Law ini MESTI dihentikan! Setiap wakil rakyat UMNO sama ada sebagai Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri hendaklah berperanan lebih berkesan untuk menyekat gejala ini! (2018, D90-8)

Selain daripada penggunaan LT Arahan untuk tujuan mempengaruhi pendengar, LT tersebut juga digunakan untuk memberi arahan kepada pendengar yang rata-rata terdiri daripada pengikut setia pengucap. Mereka datang dari setiap pelosok negeri untuk menghadiri perhimpunan yang diadakan setiap tahun. LT Arahan sememangnya memenuhi ekspektasi pendengar yang mengharapkan hala tuju dan tindakan yang jelas daripada pemimpin mereka tentang peranan yang perlu dimainkan. Dalam ucapan 2017, peranan tersebut adalah berkaitan usaha menghadapi pilihanraya umum yang akan datang; manakala ucapan 2018 lebih berfokus pada tindakan yang perlu mereka laksanakan selepas kekalahan dalam pilihanraya 2018.

Manakala LT Perjanjian pula yang ketiga terbanyak digunakan pada tahun 2018. LT Perjanjian merujuk kepada janji dan tawaran yang diberikan oleh Zahid dalam konteks ucapan tersebut diberi. Data menunjukkan dapatan yang jelas berbeza daripada dua LT yang telah diperincikan sebelum ini. LT Perjanjian berlaku lebih banyak dalam ucapan 2018, berbanding 2017.

Contoh LT Perjanjian:

Kita akan mendedahkan warga masa depan untuk memperolehi ilmu yang sesuai pada zamannya. Daripada pelajar tempatan (local student) menjadi pelajar global (global student). Perisian interaktif digital (interactive digital gaming) akan menjadi medium pembelajaran menarik dalam pendidikan moden. Ia juga menjadi medium pembelajaran bestari. Modul baharu inilah yang sedang kita tawarkan kepada generasi Y dan Z. (2017, K69-7)

Saya telah berbincang dengan semua pemimpin tertinggi parti supaya mereka turun ke akar umbi. Bertemu dengan seramai mungkin ahli bagi memperjelaskan hala tuju dan idealisme perjuangan parti. (2018, K78-8)

LT Perakuan adalah berkaitan dengan penghargaan yang disampaikan kepada pendengar, ataupun ucapan maaf dan kekesalan. Seperti LT Perjanjian, LT ini amat kurang peratusannya dalam ucapan sebelum pilihanraya, namun meningkat dalam ucapan selepas pilihanraya. Berdasarkan konteks seperti yang dinyatakan bagi LT Perjanjian, Zahid dilihat lebih memberi penghargaan kepada ahli perhimpunan selepas kekalahan, kemungkinan dalam usaha untuk mengambil hati mereka semula kerana sebelum ini mereka kurang diendahkan dan dianggap akan sentiasa berada bersama-sama dengannya, seperti yang dibayangkan melalui data ucapan 2017.

Contoh LT Perakuan:


Saya amat berbangga Wanita UMNO telah berjaya melancarkan JR Plus yang bekerjasama dengan Pemuda dan Puteri serta parti komponen Barisan Nasional. (2017, A134-7)

Sebagai Presiden UMNO, saya menyelami dan amat memahami hasrat ketiga-tiga sayap parti untuk terus membantu UMNO bagi merealisasikan langkah-langkah hala tuju kita. Saya mengiktiraf semua saranan itu sebagai langkah ke-21 seperti yang saya nyatakan. (2018, A239-8)

Secara keseluruhan, terdapat perbezaan yang ketara antara LT Pengumuman dan Arahan. Perbezaan LT tersebut dalam keduanya ucapan memberi gambaran tentang kedudukan parti dan Zahid sendiri. Ucapan pada tahun 2017, menunjukkan bilangan LT Perjanjian adalah kurang berbanding tahun 2018. LT berkenaan menggambarkan sikap pemimpin parti terhadap pengikut mereka yang seolah-olah tidak perlu berjanji atau menawarkan apa-apa sekalipun memandangkan mereka menakluki dan mempunyai segalanya sebagai sebuah parti yang sejak dari penubuhannya sentiasa menjadi parti kerjaan dan memegang tumpuk pemerintahan negara. Pengikut dan ahli parti “*are taken for granted*” dan dianggap oleh pemimpin sebagai satu kumpulan yang semestinya akan sentiasa berada di belakang pemimpin. Dalam erti kata lain, ucapan 2017 memberi gambaran bahawa parti berada dalam keadaan selesa dan tiada kekhuitaran yang timbul sehingga terdapat keperluan untuk membina keyakinan perwakilan. Namun, kekalahan dalam pilihanraya 2018 memerlukan Zahid menilai semula tanggapan tersebut, dan hal ini dapat dilihat melalui peningkatan LT Perjanjian dalam ucapannya. Pengikut perlu dipulihkan semangat mereka dan perlu diberi pengharapan baharu. Hal ini dilaksanakan melalui perjanjian dan penawaran perkara-perkara tertentu. Bahagian seterusnya meneliti setiap kategori LT berdasarkan sub-LT tertentu, justeru membawa makna yang lebih terperinci bagi LT tersebut.

LAKUAN TUTUR PENGUMUMAN

Carta 2 menunjukkan perbandingan LT Pengumuman antara keduanya tahun dalam kajian. Terdapat 15 sub kategori bagi LT Pengumuman, iaitu makluman, penegasan, laporan, ramalan, pengesahan, penyebab, penyataan, pengakuan, pembetulan, bantahan, perdebatan, maklum balas, cadangan dan andaian. Dalam hal ini, sub-LT penegasan, ramalan dan pernyataan, mempunyai perbezaan peratusan ketara antara kesemua sub-LT Pengumuman, sama ada menurun dari tahun 2017 ke tahun 2018 atau sebaliknya.



CARTA 2. Perbandingan peratusan sub-kategori LT Pengumuman

Sub-LT yang ketara lebih tinggi peratusannya pada tahun 2017 berbanding pada tahun 2018 ialah sub-LT Makluman, Laporan, dan Pengakuan.

Contoh LT Makluman:

Malam ini, saya berdiri di hadapan bangsa untuk mencanai minda dalam kalangan sidang perwakilan dari Bahagian Padang Besar, Perlis hingga ke Bahagian Kudat di Sabah. (2017, C4-7)

Contoh LT Laporan:

Dalam pada itu kesan percaturan politik yang menafikan kesejagatan bangsa mengakibatkan kedaulatan kita ke atas Pulau Batu Putih atau Pedra Branca terkubur.(2017, C109-7)

Contoh LT Perakuan:

Parti kita sendiri pun pernah diharamkan dan kita akur dengan kehendak perundangan. Bukan seperti parti lain yang tidak mengendahkan peraturan dan undang-undang. Ada parti pembangkang yang tidak mahu mematuhi peruntukan yang digariskan oleh peraturan dan undang-undang. Tanpa ada mesyuarat cawangan, tiba-tiba ada mesyuarat di peringkat tinggi. Perlembagaan parti juga tidak diikuti. Mereka panggil sayap tertentu ikut sesuka hati. Pentadbiran mereka mementingkan diri sendiri. (2017, C45.1-7)

Manakala sub-LT pengesahan, pembetulan, perdebatan, maklum balas, dan andaian ketara lebih tinggi peratusannya dalam ucapan 2018.

Contoh LT Pengesahan:

Malah, kita telah membuktikan bahawa kita sentiasa bertindak di atas ‘the Malay wisdom’ atau ‘Bijaksana Melayu’, dan meletakkan prinsip ‘al-adlu wal-ihsan’ (adil dan ihsan) sebagai ‘kompas moral’ dalam setiap tindakan. (2018, D42-8)

Contoh LT Pembetulan:

Sesungguhnya, kita perlu sentiasa mengingatkan diri kita, bahawa UMNO bukanlah sebuah parti yang rasis, berat-sebelah dan prejudis, atau menjadi ancaman kepada mana-mana kaum lain. Orang Melayu tidak pernah menzalimi dan meminggirkan mana-mana kaum. Jauh sekali untuk mengambil hak kaum lain secara paksa! (2018, D41.2-8)

Contoh LT Perdebatan:

Kita mendesak kerajaan hari ini menghentikan segera pencabulan prinsip Rule of Law! Berhentilah dari melakukan gertakan murahan, apalagi mengaibkan Orang Kena Tuduh (OKT) melalui perbicaraan media massa dan media sosial! (2018, C94-8)

Contoh LT Maklumbalas:

Maaf! Sebenarnya, saya perlu memberi tumpuan kepada kerja-kerja pengurusan dalaman parti, terutamanya bagi mengekang usaha-usaha melemahkan UMNO. (2018, C58-8)

Contoh LT Andaian:

Mereka ini bagi enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Tidak kurang pula yang mula condong dan mahu beralih arah. Namun, masih ramai lagi

yang kekal setia, berdiri teguh dan gagah menjulang obor perjuangan, demi agama, bangsa dan tanah air kita! (2018, C23, C24-8)

Peratusan sub-LT Penegasan seperti yang ditunjukkan dalam Carta 2 hampir sama dikesan dalam kedua-dua ucapan. Hal ini bukanlah sesuatu yang menghairankan memandangkan ucapan yang disampaikan adalah ucapan politik yang sememangnya bertujuan untuk mempengaruhi pendengar. Penegasan perlu digunakan sebagai satu strategi untuk pendengar dimaklumkan tentang sesuatu perkara yang memberi erti kepada mereka yang dipengaruhi oleh individu yang berucap (Babatunde & Odepitan, 2009). Dalam ucapan 2017, Zahid membuat penegasan melalui rujukan kepada agama, seperti dalam contoh di bawah:

Sesungguhnya yakinlah bahawa agama itu adalah pengikat kepada manifesto bangsa ini. Kecerdasan emosi (EQ) kecerdasan spiritual (SQ) dan (kecerdasan intelektual) IQ perlu disatukan seiring supaya ia menjadi suatu garapan bersama. Perhubungan kita dengan Allah SWT menjadikan kita sebagai khalifah demi kesejahteraan ummah. Demi ‘hablum minannas’ (hubungan sesama manusia) menjadikan keberadaan kita sebagai makna yang terhakikat. (2017, C121—7)


Rujukan agama menjadi senjata kepada Zahid untuk mempengaruhi pendengar. Pada masa yang sama, LT ini menjadi strategi yang tidak memerlukan terlalu banyak perhitungan kerana Zahid yakin, dalam kalangan perwakilan yang rata-ratanya berbangsa Melayu dan beragama Islam, rujukan agama tidak akan dipertikaikan dan merupakan rujukan yang selamat. Walau bagaimanapun, dalam ucapan 2018, sub-LT Penegasan yang digunakan oleh Zahid untuk mempengaruhi perwakilan tentang kekuatan parti tidak pula membuat rujukan agama, sebaliknya menggunakan kiasan, iaitu menyamakan parti dengan sebuah bahtera, seperti dalam contoh di bawah:

Kita bagaikan sebuah bahtera di lautan penuh bergelora. Walaupun layar bahteranya robek, setiap anak kapalnya tidak akan meninggalkan bahtera perjuangan. Jauh sekali terjun meninggalkan bahtera atau mematahkan tiang seri layarnya, serta menebuk dinding bahtera dari dalam. Tindakan ini pasti menyebabkan pelayaran bangsa kita tergugat! (2018, C20-8).

Dalam contoh di atas, dapat dirasai betapa gentingnya keadaan parti pascapilihan raya, sehingga rujukan pun dibuat kepada bahtera yang layarnya robek, dan tiang seri yang patah di laut yang bergelora; dan bukan kepada agama seperti mana dalam contoh yang diberi sebelum ini. Rujukan agama ialah sesuatu yang biasa-biasa sahaja (sering dirujuk dalam banyak keadaan yang biasa), justeru menggambarkan keadaan yang selamat dan selesa, sebagaimana dalam ucapan 2017. Penegasan dalam ucapan 2018 tidak menggunakan agama sebagai rujukan kerana tidak akan dapat memberi impak seperti yang Zahid mahukan. Pada masa yang sama, rujukan agama juga mungkin akan memberi gambaran akan afiliasi parti itu kepada sebuah parti politik pembangkang lain yang berdasarkan kepada perjuangan agama.

LAKUAN TUTUR ARAHAN

Carta 3 menunjukkan perbandingan LT Arahan antara kedua-dua tahun dalam kajian. Terdapat perbezaan peratusan yang ketara antara kesemua sub-LT.



CARTA 3. Perbandingan peratusan sub-kategori LT Arahian

Daripada lima sub-LT Arahian tersebut, iaitu permintaan, pertanyaan, keperluan, larangan dan penasihatian, tiga daripadanya didapati lebih tinggi peratusannya dalam ucapan tahun 2017, iaitu sub-LT Pertanyaan, Keperluan dan Penasihatian.

Contoh LT Pertanyaan:

Agak-agaknya kenapalah saya memilih angka 7 ini? (2017, D12-7)

Contoh LT Keperluan:

Sewajarnyalah kita memfailkan permohonan untuk menyemak semula keputusan penghakiman ICJ (International Court of Justice). (2017, D110-7)

Contoh LT Penasihatian:

Rakyat di seluruh negara, usahawan Melayu dan mereka yang di dalam dewan ini perlu merebut segala ruang dan peluang dunia perniagaan baru ini. (2017, D64-7)

Ketiga-tiga sub-LT di atas adalah penegasan yang bersifat ‘selamat’ dan tidak mempunyai elemen kontroversi. Malah, soalan yang ditanya dalam contoh LT pertanyaan di atas pun sebenarnya adalah soalan retorikal, yang bertujuan menarik perhatian audien sahaja, bukan soalan sebenar.

Sementara itu, sub-LT Permintaan dan Larangan adalah lebih banyak ditemui dalam ucapan 2018.

Contoh LT Permintaan:

Saya menyeru kerajaan hari ini, agar meneruskan agenda pemberian 20% hasil royalti minyak dan gas kepada rakyat Sabah dan Sarawak, sebagaimana yang termaktub di dalam manifesto mereka. Hormatilah hak-hak rakyat Sabah dan Sarawak, dan janganlah dipermainkan untung nasib mereka. Tidak usah berdolak-dalik lagi, apa yang dijanji hendaklah ditepati, kata hendaklah dikota! (2018, D214-8)

Contoh LT Larangan:


Jangan sampai perselisihan antara kita, menguntungkan pihak lain. Elakkanlah memberi komen dan menjawab hal-hal berkaitan parti secara terbuka. Jangan

bagi bola tanggung kepada pihak lawan! Kita wajib merapatkan saf kepimpinan dan akar umbi untuk memenangi hati rakyat. Hentikanlah perbalahan dan persengketaan dalam kalangan kita demi kelangsungan perjuangan UMNO. (2018, 241-8)

Dalam contoh sub LT-Permintaan, permintaan yang dikemukakan oleh Zahid ditujukan kepada pihak kerajaan, iaitu “hak rakyat” digunakan sebagai objek fokus untuk memberi kekuatan pada hujahnya. Larangan dalam contoh sub-LT Larangan pula ditujukan kepada perwakilan yang hadir, iaitu menggunakan kata larangan “jangan” dinyatakan bersama dengan “kewajipan”. Penggunaan pasangan perkataan berlawanan seperti memberi impak kepada LT arahan yang dihasratkan oleh Zahid, terutama dalam membina semula kekuatan parti selepas tewas dalam PRU14.

LAKUAN TUTUR PERJANJIAN

Carta 4 menunjukkan perbandingan LT Perjanjian dalam ucapan antara kedua-dua tahun. Terdapat lima sub-kategori lakuhan perjanjian, iaitu memberi jaminan, mengundang, menawarkan, menjanjikan dan bersumpah. Dalam kategori ini, terdapat perbezaan peratusan yang ketara antara kesemua sub-LT kecuali sub-LT Menawarkan.



CARTA 4. Perbandingan peratusan sub-kategori LT Perjanjian

Menarik bagi LT Perjanjian ini adalah daripada lima sub-LT, tiga daripadanya menunjukkan peratusan lebih tinggi dalam ucapan pada tahun 2018, iaitu mengundang, menawarkan dan menjanjikan.

Contoh LT Mengundang:

Kepada para perwakilan, marilah kita bersidang dengan penuh tanggungjawab dan berbincang dalam usaha membina semula UMNO. Marilah kita bina UMNO sebagai parti yang penuh falsafah dan berideologi perjuangan. Kita raikan kepelbagaian yang ada di hadapan kita. Mari kita berusaha dan bersedia menjadi kerajaan semula dalam waktu yang terdekat, atau selepas PRU-15 nanti. (2018, K256-8)

Contoh LT Menawarkan:

Bagi memastikan keutuhan parti selaras dengan manifesto saya, ketika pemilihan Presiden dan kepimpinan parti, saya mencadangkan kepada sidang hadirin sekalian agar penggal Presiden dihadkan kepada 2 penggal sahaja. Berbincang dan berbahaslah dalam soal ini, demi kepentingan dan survival parti kita. (2018, K109-8)

Contoh LT Menjanjikan:

Sebagai Pengurus Barisan Nasional, saya telah mengambil kira secara serius berhubung hala tuju dan permuafakatan kita. Tindakan segera mesti dilakukan bagi membina keyakinan rakyat. (2018, K224-8)

Ketiga-tiga LT ini dilihat memainkan peranan untuk menyatakan kembali perwakilan ke arah satu hala tuju dan kebersamaan selepas kekalahan. Sub-LT yang tidak ditemui langsung dalam ucapan 2017 sub-LT mengundang dan menawarkan yang mungkin tiada keperluan penggunaannya dalam keadaan kedudukan politik yang dilihat sebagai tenang. Ketiadaan sub-LT bersumpah dalam ucapan 2018 adalah sesuatu yang menarik kerana ia memberi gambaran tentang ketiadaan arah atau fokus yang jelas untuk membolehkan ‘sumpahan’ dibuat.

Contoh LT Bersumpah:

Kita tidak akan pernah mengizinkan seinci pun tanah kita ini tergadai! Kita tidak rela berputih mata! (2017, K112-7)


LT memberi jaminan lebih tinggi peratusannya dalam ucapan tahun 2017, dan rendah dalam ucapan 2018, mungkin atas sebab yang sama jugalah menyumbang kepada ketiadaan sub-LT Bersumpah dalam teks 2018.

Contoh LT Memberi Jaminan:

Kerajaan bertanggungjawab memastikan 9 nilai teras melalui 20 strategi utama sebagaimana termaktub dalam (Dasar Keselamatan Negara) dilaksanakan demi menjamin keselamatan negara ini. Ia bukan berbentuk fizikal malahan dari aspek pemikiran. (2017, K78-7)

LAKUAN TUTUR PERAKUAN

Carta 5 menunjukkan perbandingan LT Perakuan dalam ucapan antara kedua-dua tahun dalam kajian.



CARTA 5. Perbandingan peratusan sub-kategori LT Perakuan

Sub-LT memohon maaf dan beri penghargaan tiada dalam ucapan 2017, tetapi ditemui dalam ucapan 2018, dan digunakan dengan agak banyak (terutamanya bagi sub-LT beri penghargaan). Perbezaan ini jelas membayangkan bahawa konteks ucapan memainkan peranan penting dalam menentukan penggunaan LT yang sesuai. Hal ini selari dengan Arina Johari dan Indirawati Zahid (2016), yang menjelaskan bahawa perbuatan memohon maaf secara tidak

langsung mencerminkan peribadi yang mulia dan bertujuan untuk mengelakkan perbalahan serta mengurangkan tindakan yang boleh menyakitkan hati serta menjaga keharmonian sosial.

Contoh LT Memohon Maaf

Justeru, UMNO memohon maaf kepada mereka yang telah meletakkan harapan dan keyakinan yang begitu tinggi kepada UMNO dan Barisan Nasional (BN) untuk terus memimpin dan mentadbir negara pada PRU-14 yang lalu. (2018, A14-8)

Contoh LT Beri Penghargaan

Sebagai Presiden UMNO, saya menyelami dan amat memahami hasrat ketiga-tiga sayap parti untuk terus membantu UMNO bagi merealisasikan langkah-langkah hala tuju kita. Saya mengiktiraf semua saranan itu sebagai langkah ke-21 seperti yang saya nyatakan. (2018, A239-8)

Bagi dua LT yang ditemui dalam kedua-dua ucapan 2017 dan 2018, LT mengucap tahniah dan berterima kasih menunjukkan peratusan yang lebih tinggi dalam ucapan tahun 2017 tetapi kurang secara mendadak dalam ucapan 2018. Hal ini selari dengan suasana politik semasa, iaitu kekalahan dalam PRU14 yang tidak mewujudkan keperluan untuk ucapan tahniah dan sebagainya.

Contoh LT Mengucap Tahniah

Tahniah! kepada Pergerakan Wanita UMNO kerana sentiasa taat dan tidak pernah derhaka tidak goyah mengikat kesetiaan kepada Dato' Sri Presiden. Naluri wanita adalah naluri keibuan. Tidak mungkin seorang ibu meninggalkan keluarganya ketika susah. Tidak mungkin seorang ibu membiarkan keluarganya berpecah kerana fitnah. Inilah ikrar Wanita tahun lalu. (2017, A130-7)

Contoh LT Berterima Kasih

Kepada rakyat Malaysia budiman terutama bangsa Melayu, UMNO amat berterima kasih di atas sokongan dan dokongan kepada kami selama ini. Saya bagi pihak institusi kepresidenan dan parti, mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada anda semua. Keyakinan, kepercayaan serta sokongan padu anda semua membolehkan UMNO terus berdiri gah memperjuangkan kepentingan semua kaum di negara ini. (2017, A157-7)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa dalam ucapan ahli politik bergantung kepada konteks ucapan. Dalam kajian ini konteks tersebut merujuk pada kedudukan Zahid dalam parti ketika memberi ucapan dan kedudukan parti yang diketuai oleh Zahid dalam pentadbiran negara. Penggunaan LT yang bersesuaian sama ada secara terancang atau tidak memberi impak kepada pendengar serta memberi gambaran tentang set minda pengucap sendiri.

Secara amnya, dalam ucapan tahun 2017, kedudukan parti yang selesa mencorakkan nada dan gaya bahasa yang digunakan. Kedudukan Zahid sendiri sebagai Naib Presiden juga tidak membebankan beliau untuk memberi ucapan yang mencorakkan hala tuju parti, sebaliknya hanya sekadar memberi ucapan perasmian kepada perhimpunan tersebut. Oleh hal yang demikian, kita dapat kekerapan penggunaan LT pengumuman dan LT Arahan yang tinggi berbanding dengan LT lain, iaitu melebihi 92% bagi kedua-duanya. Hal ini berbeza dengan keadaan sewaktu ucapan 2018 disampaikan. Dengan tewasnya parti BN dalam PRU14, suasana (*mood*) dalam perhimpunan berbeza sekali daripada perhimpunan sebelum ini. Tambahan pula ini bukan hanya berkisar tentang kekalahan dalam PRU14, tetapi juga adalah kekalahan

pertama dalam sejarah parti yang membawa kepada parti tersebut menjadi pembangkang. Set minda perwakilan dan juga Zahid perlu melalui proses yang sukar kerana mereka tidak pernah berada dalam kedudukan “yang tidak memerintah”, dan tidak tahu bagaimana untuk menjadi pembangkang. Beban individu Zahid juga bertambah dengan beliau memegang tampuk kepimpinan parti dan tekanan daripada bekas presiden parti melalui kenyataan yang dikeluarkan sebelum perhimpunan 2018. Kekeliruan ini, serta keperluan untuk “mengumum” dan “melapor” contohnya, dalam bentuk pembetulan, perdebatan dan andaian (yang lebih tinggi kekerapan penggunaannya berbanding 2017), menyumbang kepada penggunaan LT Pengumuman dan LT Arahan. Walaupun peratus terkumpul penggunaannya adalah lebih rendah daripada ucapan 2017, iaitu 80.3%. Meskipun kedua-dua LT pengumuman dan arahan digunakan secara majoritinya dalam kedua-dua teks ucapan, namun masih terdapat perbezaan yang ketara wujud apabila diteliti sub-LT masing-masing, seperti yang dijelaskan dalam bahagian sebelum ini.

Faktor yang sama jugalah yang membawa kepada LT Perjanjian dan LT Perakuan diguna lebih banyak dalam ucapan 2018. Susulan kekalahan mereka, Zahid perlu memakai topi sebagai pemujuk, justeru menggunakan sub-LT Mengundang (untuk sama-sama berjuang) dan berjanji (masa depan yang lebih baik) terhadap ahli perwakilan. Hal yang menarik di sini ialah gambaran kegusaran dan ketidakstabilan kedudukan parti yang dikesan melalui kekurangan pemberian jaminan dan ketiadaan sumpah dalam ucapan 2018, berbanding dengan ucapan 2017. Dalam LT Perakuan pula, ketiadaan sub-LT memohon maaf dan memberi penghargaan dalam ucapan 2017 ialah sesuatu yang boleh dijangkakan. Kedudukan parti yang teguh tidak menuntut kepada permohonan maaf daripada pemimpin kepada perwakilan, dan mungkin juga tidak perlu diberi penghargaan kepada perwakilan kerana kesetiaan perwakilan dan kejayaan parti dianggap sebagai sesuatu yang lumrah dan dianggap sebagai suatu hak. Walau bagaimanapun penghargaan melalui ucapan eksplisit terima kasih didapati tinggi dalam ucapan 2017. Apabila parti tewas dalam PRU14, ucapan tahniah dan terima kasih kurang didapati dalam ucapan 2018, sebaliknya separuh daripada semua LT perakuan ialah permohonan maaf (atas kekalahan) dan penghargaan yang diajukan kepada perwakilan.

KESIMPULAN

Senario sosio-politik semasa jelas mempunyai kesan terhadap jenis LT yang digunakan dalam ucapan ahli politik, walaupun ucapan tersebut disampaikan oleh ahli politik yang sama. Dapatkan kajian juga sekali gus menunjukkan bahawa LT tertentu memainkan peranan utama dalam menyampaikan hasrat, perasaan dan terjemahan pemikiran ahli politik tersebut, sama ada LT tersebut digunakan atau tidak digunakan. Malah, dalam kedua-dua ucapan LT diaplikasikan dengan jelas oleh perucap. Asmah (2007) juga telah menjelaskan bahawa penggunaan bahasa yang berkesan dapat menyampaikan maksud dengan jelas dan menimbulkan tindak balas yang tepat. Hal ini kerana, kebijaksanaan pemimpin menggunakan bahasa akan dapat menarik perhatian dan kepercayaan audiens terhadap hujahannya. Selain daripada menjadi panduan kepada ahli politik dalam merancang ucapan mereka, hasil kajian ini juga dapat meningkatkan kefahaman ahli masyarakat tentang lakuhan bahasa ahli politik ketika menyampaikan hujah dan tujuan di sebalik penggunaan lakuhan tertentu. Kajian ini menunjukkan bahawa sesuatu ucapan politik perlu dilihat dalam konteks yang lebih meluas, iaitu bukan sahaja sekadar memahami makna kamus bagi perkataan yang digunakan tetapi juga maksud perkataan tersebut dari segi konteks ucapan yang disampaikan. Hal ini dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih kritis pemikirannya dan tidak menerima bulat-bulat sesuatu yang didengar dalam ucapan ahli politik. Kebijaksanaan pemimpin dalam membentuk lakuhan ilokusi yang rasional, positif dan berhemah dapat menarik minat masyarakat terhadap hujahan politiknya. Maka, secara tidak langsung proses ini dapat

menghasilkan kesan positif terhadap perkembangan politik semasa dan juga membina kepercayaan masyarakat terhadap tutur kata pemimpin. Secara keseluruhannya, dapatkan analisis ini telah membuktikan bahawa perucap mengamalkan pelbagai bentuk lakuhan tutur ilokusi semasa berucap dalam PAU 2017 dan 2018. Dapatkan ini mengisyaratkan bahawa LT ilokusi merupakan lakuhan sosial yang secara langsung mencerminkan lakuhan bahasa ahli politik berkenaan.

RUJUKAN

- Alattar, R.A.S. (2014). A Speech Act Analysis of American Presidential Speeches. *Arts Journal*. 110, 1-39.
- Altikriti, S. (2016). Persuasive Speech Acts in Barack Obama's Inaugural Speeches (2009, 2013) and The Last State of the Union Address. *International Journal of Linguistics Vol.* 8(2), 47-66
- Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015). Penggunaan Lakuan Pertuturan dalam Mesyuarat. *Jurnal Linguistik*. Vol. 19(1), 48-57.
- Arina Johari & Indirawati Zahid (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 16(2), 73-94.
- Asmah Hj. Omar (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Babatunde, S. & Odepitan, O. (2009). Pragma-rhetorical Strategies in Selected Speeches of Nigerian President Olusegun Obasanjo. Dlm. A. Odebunmi, & Babajide A. Religious (pnyt.). *Communication in Nigeria* Publication of Lincon Gmbh (pp. 297-312).
- Bach, K & Harnish R.M. (1979). *Linguistic Communication and Speech Acts*.The MIT Press.Camridge & London.
- Beard, A. (2000). *The Language of Politics*. London: Routledge.
- Dylgjeri, A. (2017) Analysis of speech acts in political speeches. *European Journal of Social Sciences Studies*. Vol. 2(2), 19- 26.
- Sarfo, E. & Krampa, E.K. (2013) *Language at War: A Critical Discourse Analysis of Speeches of Bush and Obama on Terrorism*. *International J. Soc. Sci. & Education*. Vol. 3(2)
- Fawwaz Al-Abed Al-Haq, Nazek Mahmoud Al-Sleibi. (2015). A Critical Discourse Analysis of Three Speeches of King Abdullah II. *US-China Foreign Language*. Vol. 13(5), 317-332. doi:10.17265/1539-8080/2015.05.00
- Idris Aman (2004). Bahasa dan Kepimpinan: Pengkhayalan Wacana Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. *Akademika*. 65, 3-25
- Idris Aman (2010). *Mengurus Wacana dan Kepimpinan: Analisis Ucapan Sulung Perdana Menteri Malaysia Ke-enam*. Pusat Pengajian Bahasa dan Kemanusiaan, UKM.
- Leech, G.N. (1983). Principle of Pragmatics. London: Longman.
- Lincoln, Y.S., & Guba, E.G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Muhammad Zuhair Zainal (2017). Lakuan Illokusi Guru Dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 17(4), 191-208.
- PAU (2018). *Najib Harapkan Kebenaran Dari Zahid*. Diakses 29 September 2018 dari <https://www.malaysiakini.com/news/445291>
- Radiman & Zaitul Azma Zainon (2013). Wacana Kepimpinan dalam Ucapan Abdullah Ahmad Badawi. *Jurnal Bahasa*, Vol. 13(1).
- Rahim Aman & Norfazila Ab. Hamid. (2015) Strategi Wacana Komunikasi Teks Tengku Razaleigh Hamzah: Satu Analisis Kebahasaan. *Jurnal Komunikasi*. Vol. 31(1), 205-220.
- Rohaidah Mashudi (2017). Peraturan Interaksi Peristiwa Komunikatif Wawancara dalam Akhbar. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 17(3), 70-85.

- Sameer, I.H. (2017). The Analysis of Speech Acts Patterns in Two Egyptian Inaugural Speeches. *Studies in English Language and Education*. Vol. 4(2), 134-147.
- Wang, J. (2010). A Critical Discourse Analysis of Barack Obama's Speeches. *Journal of Language Teaching and Research*. Vol. 1(3), 254-261. doi:10.4304/jltr.1.3.254-261.
- Ucapan Perasmian Timbalan Presiden UMNO dalam Persidangan Agong UMNO 2017.
Diakses dari sumber
<https://www.bharian.com.my/berita/politik/2017/12/359205/ucapan-perasmian-naib-presiden-umno>
- Ucapan Perasmian Presiden UMNO dalam Persidangan Agong UMNO 2018. Diakses
<https://umno-online.my/2018/09/29/pau-2018-umno-bangkit-ucapan-dasar-presiden-umno/>

PENULIS

Harshita Aini Haroon (Prof. Dr) merupakan Profesor di Pusat bahasa Antarabangsa, UniMAP.

Noor Asliza Abdul Rahim (Dr) merupakan pensyarah kanan di Pusat bahasa Antarabangsa, UniMAP.

Noriha Basir (Dr) merupakan pensyarah kanan di Pusat bahasa Antarabangsa, UniMAP. Beliau menamatkan pengajian Ph.D di Universiti Sains Malaysia dalam bidang Linguistik Melayu (Fonologi Bahasa Melayu), Sarjana Linguistik di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bachelors Sastera (Pengkhususan Bahasa dan Linguistik Melayu) di Universiti Putra Malaysia.

Zaliza Zubir merupakan pensyarah di Pusat bahasa Antarabangsa, UniMAP. Kini, sedang melanjutkan pengajian di peringkat kedoktoran dalam pengkhususan analisis wacana kritis di Universiti Utara Malaysia.